

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH** : **17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci jumlah pecahan perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi pengurusan pandemik COVID-19 termasuk perbelanjaan pengurusan pusat kuarantin, vaksin dan perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2021, Kementerian Kesihatan telah diluluskan peruntukan sejumlah **RM38.05 bilion**, iaitu sebanyak **RM27.22 bilion** disediakan di bawah Peruntukan Mengurus, **RM4.30 bilion** di bawah Peruntukan Pembangunan dan sebanyak **RM6.53 bilion** peruntukan khas bagi menangani pandemik COVID-19 termasuk perolehan vaksin dan lain-lain perbelanjaan bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).
2. Di bawah peruntukan khas bagi menangani pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak **RM4.77 bilion** bagi menampung pelbagai keperluan rawatan dan saringan COVID-19 serta PICK seperti emolumen pegawai kontrak, bayaran saguhati

sukarelawan kesihatan serta perkhidmatan penyumberluaran pesakit ke fasiliti swasta, sajian makanan, sampel ke makmal swasta, *home monitoring* pesakit COVID-19 dan imunisasi melibatkan pengamal perubatan swasta. Selain itu, perbelanjaan juga melibatkan pelbagai keperluan bekalan perubatan iaitu ubat, gas perubatan, vaksin, reagen, bekalan pakai habis (*consumables*) dan peralatan perlindungan diri (PPE) serta aset perubatan dan bukan perubatan. Peruntukan ini juga digunakan bagi pembayaran sebanyak **87.9 juta dos vaksin** yang telah ditempah oleh Kementerian Kesihatan melalui Fasiliti COVAX dan secara rundingan terus dengan beberapa pengeluar vaksin COVID-19.

3. Selain itu di bawah Peruntukan Pembangunan, sebanyak **RM408 juta** telah diperuntukkan dalam usaha menangani pandemik COVID-19 sepanjang tahun 2021. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM66 juta** diperuntukkan bagi menaik taraf dan membaik pulih fasiliti kesihatan, termasuk menyediakan hospital medan dan wad bagi pesakit COVID-19. Selain itu, sebanyak **RM342 juta** pula telah diperuntukkan untuk pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan untuk merawat pesakit COVID-19.

Sekian, terima kasih.